

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Tuan Idris bin Haji Ahmad
[Bukit Gantang]
SOALAN : Tuan Idris bin Haji Ahmad minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan:-
Jumlah nilai import ikan, sayuran, daging
lembu dan ayam daripada tahun 2010 hingga
2013.
JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 2010 hingga 2013, jumlah nilai import bagi empat (4) komoditi makanan iaitu ikan, sayur, daging lembu/kerbau dan daging ayam/itik adalah sebanyak RM24.64 bilion atau 17.7% daripada nilai keseluruhan import makanan negara yang berjumlah RM134.54 bilion. Perincian jumlah nilai import dan sumbangan empat (4) komoditi makanan tersebut kepada nilai import makanan negara bagi tempoh 2010 hingga 2013 adalah seperti berikut:

PERKARA	IMPORT (RM BILION)					
	2010	2011	2012	2013 ^P	2010 - 2013	
					RM BILION	%
Daging Ayam/Itik	0.24	0.32	0.34	0.35	1.25	0.9%
Daging Lembu/Kerbau	1.03	1.26	1.43	1.66	5.38	3.9%
Ikan	1.33	1.62	1.76	1.86	6.57	4.7%
Sayur-Sayuran	2.78	2.73	2.70	3.22	11.43	8.2%
Jumlah Komoditi Makanan	5.39	5.93	6.22	7.10	24.64	17.7%
Jumlah Makanan Negara	30.19	34.45	36.05	38.85	139.54	100.0%

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

SOALAN : 421

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah bilangan peniaga bumiputera dan bukan bumiputera yang terlibat di dalam perniagaan alat ganti kenderaan bermotor di negeri Perak.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

Bilangan usahawan MARA yang terlibat dalam perniagaan alat ganti kenderaan bermotor di negeri Perak adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Bilangan Usahawan
1	Kerian	2
2	Perak Tengah	2
3	Hilir Perak	1
4	Larut/ Matang/ Selama	1
5	Kinta	1
Jumlah		7

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI NASRUDIN BIN
DARIPADA HASSAN [TEMERLOH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebab penurunan bilangan pengambilan pelajar yang layak ke IPTA bagi sesi 2014/2015 sedangkan Malaysia disenaraikan pada kedudukan ke-10 bagi penyediaan akses pengajian tinggi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tawaran calon Ijazah Sarjana Muda ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebanyak 41,573 tempat bagi pengambilan Sesi Akademik 2013/2014 manakala 37,467 tempat bagi Sesi Akademik 2014/2015 iaitu penurunan sebanyak 9.8%. Walau bagaimanapun peningkatan calon ke IPTA telah meningkat selepas proses e-Rayuan ditutup pada 15 September 2014. Peningkatan sebanyak 12.45% iaitu pertambahan calon sejumlah 5,328 orang. Jumlah keseluruhan tawaran calon sesi Akademik 2014/2015 ialah 42,795 orang. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah mengurangkan bilangan pengambilan. Walau bagaimanapun usaha untuk meningkatkan kualiti pelajar di IPTA tetap dilaksanakan. Justeru hanya calon dalam merit yang tinggi sahaja akan ditawarkan tempat di IPTA.

Bagi meningkatkan kualiti pengambilan, terdapat program pengajian

yang melaksanakan saringan seperti ujian khas dan temu duga bagi memastikan calon mempunyai kebolehan dan kecenderungan yang sesuai dalam bidang yang dipilih. Oleh itu, jika calon mempunyai markah akademik dan ko-kurikulum yang baik sekalipun jika tidak melepasi saringan ini maka calon tidak akan ditawarkan program yang dipohon.

Selain itu, bagi menjaga kualiti graduan yang dihasilkan bilangan calon diambil perlulah mendapat kemudahan yang kondusif bagi proses pengajaran dan pembelajaran seperti infrastruktur dan nisbah antara pensyarah dan pelajar yang bersesuaian. Maka tempat yang ditawarkan perlulah sesuai dengan kualiti yang ingin dihasilkan oleh bakal graduan.

Justeru, penurunan sebanyak 9.8% adalah wajar bagi meningkatkan kualiti calon yang diambil dan graduan yang dihasilkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI NASRUDIN BIN
DARIPADA HASSAN [TEMERLOH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan garis panduan kadar yuran institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bagi memastikan yuran yang ditawarkan adalah berpatutan, mengikut kemampuan pelajar serta selari dengan kos pengajian yang ditawarkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Yuran Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ditetapkan sepenuhnya oleh pihak IPTS dengan kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Semua IPTS yang ditubuhkan di negara ini dikawal selia dan ditadbir urus mengikut Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) termasuklah kadar yuran yang dikenakan oleh IPTS kepada pelajar-pelajarnya. Kelulusan yuran sesebuah program itu adalah berdasarkan kepada permohonan yang telah dikemukakan oleh IPTS tersebut dengan mengambil kira jenis program, infrastruktur, fasiliti untuk pengajaran dan pembelajaran, bidang dan jenis pengajian serta mengikut pasaran semasa.

Sesebuah IPTS tidak boleh mengenakan yuran kepada pelajar melebihi dari kadar yang telah diluluskan oleh KPM. Jika didapati ada IPTS mengenakan yuran lebih daripada yang diluluskan, maka berdasarkan peruntukan di bawah Akta 555 yang sama di mana IPTS berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

KPM sedang mengkaji kaedah menang-menang bagi mengawalselia yuran pengajian yang kompleks dan sukar kerana IPTS perlu menjana pendapatan bagi meningkatkan kualiti sumber, kualiti amalan dan kualiti perkhidmatan. KPM juga telah menghasilkan buku informasi IPTS yang mengandungi maklumat tentang program pengajian yang ditawarkan oleh IPTS serta yuran yang dikenakan bagi setiap program pengajian. Dengan makluman ini, orang awam diberi peluang untuk memilih IPTS mengikut yuran yang berpatutan dan reputasi IPTS dengan merujuk daripada keputusan penilaian dan penarafan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) dan Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D'SETARA) untuk peringkat universiti dan MyQUEST untuk peringkat kolej.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]
SOALAN :**

YB HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan bilangan terkini penghidap HIV/AIDS dan langkah-langkah dibuat bagi membendung angka itu daripada terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan terkumpul kes HIV yang dilaporkan sejak tahun 1986 sehingga Jun 2014 adalah sebanyak 103,348 kes. Bagi tahun 2013 sahaja, sebanyak 3,393 kes HIV baru telah dilaporkan dengan kadar notifikasi kes HIV baru mencatatkan 11.42 bagi setiap 100,000 penduduk. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2014 pula, jumlah kes HIV baru yang dilaporkan adalah sebanyak 1,676 kes dan berdasarkan pemantauan ini, adalah dijangkakan sebanyak 3,352 kes HIV baru akan dilaporkan sepanjang tahun 2014 dengan kadar notifikasi kes HIV baru 11.14 bagi setiap 100,000 penduduk. Bilangan kes HIV baru di Malaysia pada amnya telah menunjukkan tren penurunan sejak tahun 2002 di mana

bilangan tertinggi kes HIV telah dilaporkan iaitu sebanyak 6,978 orang atau pada kadar 28.5 bagi setiap 100,000 penduduk.

Kerajaan telah mengambil langkah - langkah bagi menangani kes HIV sejak tahun 1985 iaitu setahun sebelum penyakit ini mula dikesan di negara ini. Langkah – langkah pencegahan, kawalan, rawatan dan sokongan bagi HIV/AIDS ini dilaksanakan sepertimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan HIV/AIDS 1988, diikuti dengan Pelan Tindakan HIV/AIDS 1998 dan seterusnya Pelan Strategik Kebangsaan mengenai AIDS 2006 – 2010 dan terkini Pelan Strategik Kebangsaan mengenai AIDS 2011 - 2015. Pelaksanaan pelan ini telah berjaya membuahkan hasil dengan penurunan ketara kes HIV baru seperti yang dinyatakan di atas terutama kes HIV melalui penagihan dadah suntikan dan transmisi HIV dari ibu kepada bayi.